NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 60
No. 23

**16hb November 2017**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

**No. 88.**

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

> Permohonan Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)*(a)* dan Pengisytiharan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 untuk Projek Memperlebarkan dan Memperelok Jalan-jalan Negeri (Projek Baru) Jalan Kampong Pondok/Abi Tok Hashim, Mukim Kechor dan Sena, Perlis (Ketinggalan).

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksaan tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jalan Penjara, 01000 Kangar, Perlis.

JADUAL

Daerah—Perlis.

(a) Tujuan Pengambilan: Permohonan Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)*(a)* dan Pengisytiharan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 untuk Projek Memperlebarkan dan Memperelok Jalan-jalan Negeri (Projek Baru) Jalan Kampong Pondok/ Abi Tok Hashim, Mukim Kechor dan Sena, Perlis (Ketinggalan).

(b) Butiran Tanah

| Bil. | Mukim/Pekan/ Bandar | Daerah/Jajahan | No. Lot/ No. P.T. |
|---|---|---|---|
| 1. | Mukim Kechor | Perlis | Lot 1935 |

Bertarikh 10 November 2017

*Pengarah Tanah dan Galian Perlis*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA